

Pemandu pelancong digalakkan ambil kursus Diploma Pemandu Pelancong

JUMIET NYIREK

KUCHING, Selasa — Pemandu pelancong di negeri ini disarankan mengambil kursus Diploma Pemandu Pelancong yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi bagi memantapkan lagi perkhidmatan.

Menteri Pelancongan Datuk Amar Abang Haji Johari Tun Abang Haji Openg berkata kursus itu adalah kurikulum baru yang akan diperkenalkan di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) bertujuan menjadikan tugas sebagai pemandu pelancong satu kerjaya penting di masa akan datang.

“Ini akan melahirkan lebih ramai pemandu pelancong yang berkualiti dan mampu menyumbang kepada pembangunan serta peningkatan ekonomi melalui pelancongan,” katanya dalam sidang media selepas majlis pelancaran Kalendar Acara

Pelancongan 2013 dan Penyampaian Sijil Penyertaan Kursus “Sarawak Incentives for Touristguide Enhancement (SITE) di sini tengah hari tadi.

Menurutnya, mereka yang berminat untuk mengikuti kursus itu (Diploma Pemandu Pelancong) perlu menjalani proses pembelajaran selama 18 bulan dan menduduki peperiksaan sebelum disahkan layak mendapat sijil.

“Kursus ini akan merangkumi beberapa aspek berkaitan bidang ekopelancongan seperti kebudayaan, sejarah, pengetahuan am, geografi dan sebagainya.

“Ini bertujuan memberi pendedahan dan menyediakan pelajar supaya dapat memberi maklumat terperinci serta mampu menarik minat pelancong mengunjungi destinasi pelancongan terbabit,” katanya.

Ditanya sama ada pelajar kursus itu dibiaya agensi terbabit dalam pelancongan, Abang Johari berkata jurusan itu adalah

sama seperti jurusan lain yang ditawarkan di pusat pengajian tinggi.

“Pelajar itu yang akan membiayai kos pembelajaran masing-masing seperti mana pelajar lain bagi jurusan lain,” katanya sambil menambah mereka turut mempunyai peluang yang cerah untuk membuka perniagaan sebagai pengusaha pemandu pelancong.

Beliau menyarankan lepasan sekolah yang berminat supaya memohon untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang pemandu pelancong ini kerana selain mempunyai peluang kerjaya yang cerah ia turut membantu meningkatkan ekonomi melalui pelancongan.

“Sektor pelancongan merupakan penyumbang ketiga kepada pembangunan ekonomi negeri dan usaha sedang dibuat bagi menaik taraf bidang pelancongan supaya dapat tersenarai sebagai penyumbang utama,” katanya lagi.



JAWAB SOALAN ... Penuntut jurusan Pemasaran dari Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Senorita Lokie Tunggau, 28, menjawab soalan yang diajukan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Jacob Dungau Sagan ketika sesi 'kuiz' selepas pembentangan mengenai "Globalisasi" sempena Hari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Kota Samarahan, semalam. • Bernama